



# MyGDI

## NEWSLETTER

Edisi 1/2020

■ [www.mygeoportal.gov.my](http://www.mygeoportal.gov.my) ■ [facebook.com/mygeoportal](https://facebook.com/mygeoportal)

### KANDUNGAN

#### Halaman 1

PENDEDAHAN MyGDI KEPADA PELAJAR  
POLITEKNIK UNGKU OMAR

#### Halaman 2

LAWATAN KERJA JABATAN BOMBA DAN  
PENYELAMAT MALAYSIA / LAWATAN KERJA  
MAJLIS AMANAH RAKYAT

#### Halaman 3

LAWATAN KERJA SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN AWAM / LAWATAN KERJA  
POLIS DIRAJA MALAYSIA

#### Halaman 4

TAKLIMAT MyGDI KEPADA SETIAUSAHA  
BAHAGIAN DI KEMENTERIAN

### PENDEDAHAN MyGDI KEPADA PELAJAR POLITEKNIK UNGKU OMAR



**TARIKH:** 14 Januari 2020

**TEMPAT:** Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli, Putrajaya

**PENGLIBATAN:** YBrs. Puan Hajah Noor Asilah binti Abu Haniffa, Pensyarah Kanan bersama 30 orang pelajar Diploma Geomatik, Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Ungku Omar (PUO).

**BERITA RINGKAS:** Pada semester ini, para pelajar akan mempelajari subjek Sistem Maklumat Geografi (GIS). Justeru, mereka dibawa melawat MaCGDI bertujuan untuk memberikan pendedahan awal mengenai produk serta aktiviti perkongsian maklumat geospatial negara melalui MyGDI. Pelajar turut didekah dengan profesion dalam bidang geospatial sebagai satu pilihan kerjaya yang ada memandangkan mereka akan ke alam pekerjaan kelak.



SCAN ME

Imbas kod QR ini untuk  
mendapatkan maklumat  
lanjut berkaitan:

Permohonan Lawatan Ke  
MaCGDI

## LAWATAN KERJA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



**TARIKH:** 6 Februari 2020

**TEMPAT:** Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli, Putrajaya

**PENGLIBATAN:** YBrs. Dr. Ahmad Faiz bin Tharima@Zainuddin bersama lima (5) orang pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

**BERITA RINGKAS:** JBPM telah mengadakan lawatan kerja untuk mengetahui dengan lebih lanjut fungsi dan peranan MaCGDI. Selain itu, JBPM berhasrat melihat peluang kerjasama berkaitan aplikasi dan perkongsian maklumat geospasial bersama-sama MaCGDI. JBPM turut diberi penerangan yang lebih terperinci mengenai data-data geospasial yang tersedia dalam Program MyGDI serta hasil kejayaan kerjasama melalui aplikasi Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS).

## LAWATAN KERJA MAJLIS AMANAH RAKYAT



**TARIKH:** 6 Februari 2020

**TEMPAT:** Bilik Mesyuarat Amber, Aras 5, Wisma Sumber Asli, Putrajaya

**PENGLIBATAN:** YBrs. Dr. Shahrizin bin Haji Abdul Sarhadat, Pengarah Teknologi Maklumat bersama tujuh (7) orang pegawai Majlis Amanah Rakyat (MARA).

**BERITA RINGKAS:** Lawatan kerja ini adalah hasrat pihak MARA yang bercadang untuk melaksanakan perkongsian data geospasial menggunakan perkhidmatan serta platform yang ditawarkan oleh MaCGDI. Para pegawai MARA turut diberi penerangan yang lebih terperinci mengenai data-data geospasial yang tersedia dalam MyGDI serta kejayaan kerjasama MaCGDI bersama agensi lain melalui aplikasi Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS).



## LAWATAN KERJA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA



**TARIKH:** 10 Februari 2020

**TEMPAT:** Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli, Putrajaya

**PENGLIBATAN:** YBhg. Dato' Ir. Mohd Shukri bin Abdul Razik, Pengarah Eksekutif, Bahagian Perancangan Strategik bersama empat (4) orang pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

**BERITA RINGKAS:** SPAN yang berperanan sebagai pengawal selia industri perkhidmatan air telah merancang untuk menjalankan kerjasama dengan MaCGDI dalam aplikasi dan perkongsian maklumat geospatial bagi tujuan kegunaan perancangan dan pengurusan perkhidmatannya. Di sesi lawatan kerja ini, MaCGDI turut berpeluang memberikan penerangan lanjut mengenai perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan di bawah MyGDI.

## LAWATAN KERJA POLIS DIRAJA MALAYSIA



**TARIKH:** 12 Februari 2020

**TEMPAT:** Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli, Putrajaya

**PENGLIBATAN:** YBrs. Tuan ACP Radenan bin Mohamad Alwi, Penolong Pengarah (Telekomunikasi), Bahagian Telekomunikasi Sistem Maklumat, Jabatan Logistik dan Teknologi, Bukit Aman bersama 17 orang pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM).



**BERITA RINGKAS:** PDRM telah berkunjung ke MaCGDI bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua pihak serta melihat potensi kerjasama yang boleh dijalankan dalam penggunaan aplikasi serta maklumat geospatial bagi kegunaan operasi PDRM. MaCGDI turut berkongsi pengalaman dan aktiviti perkongsian maklumat geospatial di Malaysia di bawah MyGDI.

## TAKLIMAT MyGDI KEPADA SETIAUSAHA BAHAGIAN DI KEMENTERIAN



**TARIKH:** 18 Februari 2020

**TEMPAT:** Bilik Jamuan VIP Aras 13, Wisma Sumber Asli, Putrajaya

**PENGLIBATAN:** Setiausaha Bahagian dan pegawai-pegawai kanan Kementerian

**BERITA RINGKAS:** MaCGDI telah menganjurkan satu sesi taklimat kepada Setiausaha Bahagian dan para pegawai kanan Kementerian ini bagi mengukuh dan meningkatkan lagi pengetahuan mengenai produk dan perkhidmatan geospatial di bawah MyGDI. Taklimat ini juga merupakan salah satu usaha pelaksanaan libat urus bersama pengurusan tertinggi serta mewujudkan kolaboratif strategik antara Bahagian di bawah Kementerian.

Sesi taklimat telah melibatkan pembentangan mengenai MyGDI, produk/aplikasi utama serta perkhidmatan geospatial yang ditawarkan oleh MaCGDI kepada agensi Kerajaan. MaCGDI turut berkongsi kejayaan kolaboratif strategik yang telah dicapai bersama agensi Kerajaan dalam pembangunan aplikasi geospatial. Sesi taklimat ini juga turut telah memberi penekanan kepada pihak pengurusan Kementerian bahawa MaCGDI selaku peneraju perkongsian perkhidmatan dan maklumat geospatial dalam kalangan agensi Kerajaan. Oleh itu, MaCGDI ingin mendapatkan maklum balas dan mempertingkatkan kesedaran pihak pengurusan Kementerian terhadap nilai maklumat geospatial dan teknologi yang berkaitan meliputi pembangunan kepakaran, modal insan serta penyelidikan dalam bidang geospatial. Sesi taklimat ini turut dihadiri oleh YBrs. Encik Badurunhisam bin Mohd Nor, Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan) Kementerian.

Diterbitkan oleh:

PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MaCGDI)

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI

NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03-8886 1156

FAKS: 03-8889 4851

LAMAN WEB: [www.mygeoportal.gov.my](http://www.mygeoportal.gov.my)



KEMENTERIAN  
TENAGA DAN SUMBER ASLI